

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

UMK.B03.00/100-6/4 (3)

16 SEPT 2009

PEKELILING BENDAHARI BIL. 3 TAHUN 2009

PERATURAN MENGENAI KADAR DAN SYARAT BAYARAN SAGUHATI KEPADA PEGAWAI KERAJAAN DARI AGENSI LUAR (TERMASUK DARI UNIVERSITI AWAM), STAF UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN DAN LAIN-LAIN PEGAWAI YANG DILANTIK MENJADI PENCERAMAH DAN FASILITATOR SAMBILAN DALAM KURSUS/BENGGEL YANG DIANJURKAN OLEH UMK

TUJUAN

1. Pekeliling Bendahari ini bertujuan memaklumkan Peraturan Mengenai Kadar dan Syarat Bayaran Saguhati Kepada Pegawai Kerajaan Dari Agensi Luar (termasuk dari Universiti Awam) , Staf UMK dan Lain-Lain Pegawai Yang Dilantik Menjadi Penceramah dan Fasilitator Sambilan Dalam Kursus/Bengkel Yang Dianjurkan Oleh UMK.

LATAR BELAKANG

2. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti telah meluluskan Kertas Kerja berkenaan Cadangan Peraturan Mengenai Kadar dan Syarat Bayaran Saguhati Kepada Pegawai Kerajaan Dari Agensi Luar , Staf UMK dan Lain-Lain Pegawai Yang Dilantik Menjadi Penceramah dan Fasilitator Sambilan Dalam Kursus/Bengkel Yang Dianjurkan Oleh Universiti.

3. Kadar bayaran kepada pegawai kerajaan dari agensi luar (termasuk Universiti Awam) dan Lain-Lain Pegawai yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil.2 Tahun 2005 – (**Lampiran 1**) dan kadar bayaran kepada staf UMK sendiri yang dilantik menjadi penceramah dan fasilitator sambilan adalah di **Lampiran 2**. Had maksimum bayaran adalah tidak melebihi setengah (1/2) daripada gaji pokok bulanan pegawai dan syarat – syarat bayaran adalah di **Lampiran 3**.

4. Mulai dari tarikh Pekeliling ini kesemua tuntutan hendaklah menggunakan Borang Tuntutan yang baru iaitu Borang **BEN/UBY/014 (Lampiran 4)** bagi tuntutan oleh Pegawai Kerajaan dari Agensi Luar dan Lain-Lain Pegawai manakala Borang **BEN/UBY/015 (Lampiran 5)** adalah bagi tuntutan oleh staf UMK sendiri. Sehubungan dengan ini penggunaan Borang **UMK.B02/BPO/22/2008** adalah dibatalkan .

TARIKH KUAT KUASA

5. Pekeliling Bendahari ini berkuatkuasa mulai **1 Julai 2009**.

Sekian, terima kasih.


“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Yang benar,



PROF. DATO' IR. DR. ZAINAI BIN MOHAMED
Naib Canselor

KK/BP108/79/6-1]Id.5(SK.1/2005)



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING PERBENDAHARAAN BIL. 2 TAHUN 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
 Semua Ketua Jabatan Persekutuan
 YB Setiausaha Kerajaan Negeri
 Semua Ketua Pengurusan Badan Berkanun
 Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan

PERATURAN MENGENAI KADAR-KADAR DAN SYARAT-SYARAT BAYARAN SAGUHATI KEPADA PENSYARAH/PENCERAMAH DAN FASILITATOR SAMBILAN

Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan peraturan dan kadar baru mengenai bayaran saguhati kepada pegawai Kerajaan yang memberi syarahan/ceramah secara sambilan atau menjadi fasilitator sambilan dalam kursus/bengkel/majlis rasmi yang dianjurkan oleh Kementerian/Jabatan. Peraturan ini adalah bagi menggalakkan perkongsian maklumat, pengurusan pengetahuan dan pembinaan kapasiti modal sumber manusia ke arah penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan berkesan.

2. Semua pegawai tetap, kontrak, sementara, sambilan dan sangkut yang memberi syarahan/ceramah sambilan atau menjadi fasilitator sambilan adalah layak dibayar saguhati atas kadar seperti berikut:

Kumpulan Perkhidmatan	Kadar Bayaran Saguhati		Had Maksimum Sebulan
	Pensyarah/Penceramah Sambilan	Fasilitator Sambilan	
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	RM300.00 sejam	RM100.00 sejam	Tidak melebihi ½ daripada gaji bulanan pegawai
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 53 & 54	RM200.00 sejam	RM100.00 sejam	
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 45 - 52	RM150.00 sejam	RM90.00 sejam	
Kumpulan Pengurusan & Profesional Gred 41 - 44	RM120.00 sejam	RM80.00 sejam	
Kumpulan Sokongan	RM80.00 sejam	RM60.00 sejam	

3. Kelayakan bayaran saguhati ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
- (i) pegawai yang memberi syarahan/ceramah atau dilantik sebagai fasilitator hendaklah mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatannya;
 - (ii) memberi syarahan/ceramah atau menjadi fasilitator bukan merupakan sebahagian daripada tugas rasmi pegawai;
 - (iii) pegawai dari unit/institusi latihan/pengajian, maktab/institusi perguruan dan sekolah di mana tugas memberi syarahan/ceramah adalah sebahagian daripada tugas mereka, bayaran saguhati boleh dibayar sekiranya kursus/bengkel/majlis rasmi bukan dianjurkan dan bukan merupakan program jabatan/institusi/maktab/sekolah yang sama;
 - (iv) urusetia yang memberi syarahan/ceramah atau menjadi fasilitator dalam program yang dianjurkannya tidak layak bayaran saguhati di bawah Pekeliling ini;
 - (v) bayaran saguhati boleh diberi mengikut kadar setengah jam bagi setiap setengah jam yang genap sekiranya waktu syarahan/ceramah yang ditetapkan oleh penganjur kursus/bengkel/majlis rasmi melebihi satu jam; dan
 - (vi) pensyarah/penceramah/fasilitator sambilan yang diberikan cenderamata adalah tidak layak dibayar saguhati di bawah Pekeliling ini.
4. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini, Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 1995 dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 1 Tahun 1996 adalah dibatalkan.
5. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling ini dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan/Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan.
6. Pekeliling ini berkuat kuasa pada 1 September 2005.

Sekian, Terima Kasih

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(Dato' Izzuddin Bin Dali)
Ketua Setiausaha Perbendaharaan
16 Ogos 2005

s.k. Ketua Setiausaha Negara
Akauntan Negara Malaysia
Ketua Audit Negara

LAMPIRAN 2

KADAR BAYARAN KEPADA STAF UNIVERSITI YANG BERTUGAS SEBAGAI PENCERAMAH/FASILITATOR

Kumpulan Perkhidmatan	Kadar Bayaran Saguhati Pensyarah/Penceramah Sambilan	Kadar Bayaran Saguhati Fasilitator Sambilan	Had maksimum Sebulan
Pengurusan Tertinggi	RM200.00 sejam	RM100.00 sejam	Tidak melebihi ½ daripada gaji pokok bulanan pegawai
Pengurusan & Profesional Gred 53 & 54	RM150.00 sejam	RM75.00 sejam	
Pengurusan & Profesional Gred 45 – 52	RM120.00 sejam	RM60.00 sejam	
Pengurusan & Profesional Gred 41 – 44	RM80.00 sejam	RM40.00 sejam	
Kumpulan Sokongan	RM50.00 sejam	RM25.00 sejam	

LAMPIRAN 3

SYARAT- SYARAT BAYARAN SAGUHATI

- (a) Pegawai yang memberi syarahan/ceramah atau dilantik sebagai fasilitator hendaklah mendapat kelulusan daripada Ketua Jabatannya;
- (b) Memberi syarahan/ceramah atau menjadi fasilitator bukan merupakan sebahagian daripada tugas rasmi pegawai;
- (c) Urusetia yang memberi syarahan/ceramah atau menjadi fasilitator dalam program yang dianjurkanya tidak layak menerima bayaran saguhati;
- (d) Bayaran saguhati boleh diberi mengikut kadar setengah jam bagi setiap setengah jam yang genap sekiranya waktu ceramah/syarahan yang ditetapkan oleh penganjur kursus/bengkel/majlis rasmi melebihi satu jam; dan
- (e) Penceramah/fasilitator sambilan yang diberikan cenderamata adalah tidak layak dibayar saguhati.



**Borang Tuntutan Tetamu Universiti Yang Bertugas Sebagai Penceramah/Fasilitator/
Menghadiri Mesyuarat Anjuran Universiti**

BAHAGIAN A : (Diisi oleh Tetamu Universiti)

Nama (Name)	:	_____	
No K/Pengenal (Identity Number)	:	_____	
Jawatan (Position Held)	:	_____	
Gred Jawatan (Grade)	:	_____	
Alamat Pejabat (Contact Address)	:	_____	
No. Telefon (Contact No.)	:	(Pej) : _____ (Office)	(H/P) : _____ (Mobile)
Saya mengaku bahawa segala keterangan yang diberikan di atas adalah betul dan telah menyempurnakan tugas seperti yang ditetapkan pada (I declare that the stated information is correct and I have completed the given tasks on) _____			
Tarikh (Date)	:	_____	Tandatangan (Signature) : _____

BAHAGIAN B : Pengesahan Kehadiran dan Jumlah Bayaran Dicadangkan (Diisi oleh Pegawai Bertugas)

Saya mengesahkan bahawa penama seperti di atas telah pun * menjalankan tugas sebagai penceramah / fasilitator dalam Program Rasmi Universiti /menghadiri mesyuarat anjuran Universiti dan layak untuk menerima bayaran. Jumlah bayaran yang dicadangkan ialah RM (RM..... X jam) .

Rujukan : Pekeliling Perbendaharaan / Bendahari :

(Sila lampirkan surat jemputan , tentatif program dan lain-lain dokumen yang berkaitan)

Tarikh : _____ Tandatangan : _____
Nama dan Cop Rasmi : _____
(Jawatan)

*** Potong yang tidak berkenaan**

BAHAGIAN C : Kelulusan Bayaran oleh Pegawai Pengawal

Nama Program/Mesyuarat : _____
Masa dan Tarikh Program/Mesyuarat : _____
Keputusan : Tidak Diluluskan / Diluluskan
Jumlah Bayaran Diluluskan : RM.....
Catatan : _____ Tandatangan : _____
(jika perlu) Nama dan Cop Rasmi : _____
(Jawatan) Tarikh : _____



Borang Tuntutan Staf Universiti Yang Bertugas Sebagai Penceramah/Fasilitator

BAHAGIAN A : (Diisi oleh Staf)		
Nama (Name)	:	_____
No K/Pengenalan (Identity Number)	:	_____
Jawatan (Position Held)	:	_____
Gred Jawatan (Grade)	:	_____
Alamat Pejabat (Contact Address)	:	_____
No. Telefon (Contact No.)	:	(Pej) : _____ (H/P) : _____ (Office) _____ (Mobile) _____
Saya mengaku bahawa segala keterangan yang diberikan di atas adalah betul dan telah menyempurnakan tugas seperti yang ditetapkan pada (I declare that the stated information is correct and I have completed the given tasks on)		
Tarikh (Date)	:	_____ Tandatangan (Signature) : _____
BAHAGIAN B : Pengesahan Kehadiran dan Jumlah Bayaran Dicadangkan (Diisi oleh Pegawai Bertugas)		
Saya mengesahkan bahawa penama seperti di atas telah pun * menjalankan tugas sebagai penceramah / fasilitator dalam Program Rasmi Universiti dan layak untuk menerima bayaran. Jumlah bayaran yang dicadangkan ialah RM (RM..... X jam) .		
Rujukan : Pekeliling Perbendaharaan / Bendahari :		
(Sila lampirkan surat jemputan , tentatif program dan lain-lain dokumen yang berkaitan)		
Tarikh	:	_____ Tandatangan : _____
		Nama dan Cop Rasmi : _____ (Jawatan)
* Potong yang tidak berkenaan		
BAHAGIAN C : Kelulusan Bayaran oleh Pegawai Pengawal		
Nama Program	:	_____
Masa dan Tarikh Program	:	_____
Keputusan	:	Tidak Diluluskan / Diluluskan
Jumlah Bayaran Diluluskan	:	RM.....
Catatan (jika perlu)	:	Tandatangan : _____
		Nama dan Cop Rasmi : _____ (Jawatan)
		Tarikh : _____